

22/08/2004

Mercu Tanda Perdana

By Azran Jaffar

BERMULA dengan perjuangan mencapai kemerdekaan, diikuti usaha membangun dan memodenkan negara, keempat-empat Perdana Menteri yang memegang teraju pemerintahan negara, tanpa mengenal rasa jemu terus mencurahkan bakti untuk membawa Malaysia ke mercu kegemilangan.

Kini usaha itu diteruskan pula oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mewarisi teraju kepemimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad yang bersara tahun lalu.

Bagi mengenang jasa mereka kepada negara dan sebagai tanda ucapan terima kasih terhadap apa yang dilakukan dalam meletakkan Malaysia dalam kedudukan sekarang, satu monumen yang ditujukan kepada kelima-lima Perdana Menteri bakal berdiri megah di Putrajaya.

Diusahakan oleh 59 Corporation, sebuah syarikat yang terbabit dalam bidang iklan luaran, penerbitan televisyen/video dan pengurusan acara, monumen yang dikenali sebagai Mercu Tanda Perdana itu bakal menjadi monumen tertinggi di negara ini menjelang dua tahun lagi.

Dengan reka bentuk moden yang memaparkan sebuah menara bulat dikelilingi lima bilah keris lok sembilan, Mercu Tanda Perdana bukan saja akan menjadi satu lagi monumen kebanggaan negara tetapi juga mempamerkan kerjasama seluruh rakyat.

Menelan belanja RM40 juta, mercu tanda setinggi 59 meter itu dijangka siap pada Ogos 2006 dengan majlis pecah tanah dijangka diadakan pada Oktober depan manakala serahan tapak pada Februari tahun depan.

Ilham mengadakan mercu tanda itu datangnya daripada Pengerusi Eksekutif 59 Corporation, Mohd Hassan Abu yang berasa sumbangan kelima-lima Perdana Menteri yang menerajui negara ini tidak ada tolok bandingnya dan perlu diabadikan.

"Ia bermula apabila Tun Dr Mahathir menyatakan hasratnya untuk bersara yang membuatkan saya berasa perlu ada sesuatu bagi mengenang jasa Perdana Menteri. Di samping itu saya juga berasakan bahawa tidak semua 22 juta rakyat negara ini berpeluang untuk ke Putrajaya bagi menyatakan rasa terima kasih mereka dan Mercu Tanda Perdana adalah satu cara untuk mereka melakukannya," katanya sewaktu ditemui di pejabatnya, baru-baru ini.

Mohd Hassan berkata: "Saya membesar di bawah kepemimpinan Tun Dr Mahathir dan melihat sumbangannya kepada negara ini sangat besar, begitu juga dengan Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan Tun Hussein Onn, dan sekarang ini Pak Lah.

"Terfikir di kepala saya mengapa tidak kita membuat sesuatu bagi mengenang sumbangan dan jasa mereka terhadap negara, dan inilah permulaan kepada timbulnya ilham membina mercu tanda itu," katanya.

Apa yang lebih penting kata Mohd Hassan, ialah usaha yang dilakukan oleh Tun Dr Mahathir sewaktu negara menghadapi krisis ekonomi tujuh tahun lalu dan 59 Corporation adalah antara mereka yang menerima kesannya.

"Pada waktu itu kami berada di dalam situasi yang agak teruk sehingga hampir hendak ditutup, namun dengan usaha Tun Dr Mahathir dalam memulihkan semula ekonomi membolehkan kami bangkit semula dan sekarang dapat kembali kepada kedudukan asal," katanya.

Ditanya mengenai ilham reka bentuk itu, Mohd Hassan berkata: "Ia datang sewaktu kami mengadakan perbincangan dengan sekumpulan pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM) mengenai 'artvertising' iaitu satu konsep yang menggabungkan seni dengan pengiklanan.

"Sewaktu berbincang itu ilham datang dan saya membuat lakaran yang mana

lakaran itu kemudiannya saya bawa ke sebuah firma arkitek Bumiputra, F I Architects Sdn Bhd yang mana mereka kemudian memperincikannya seperti apa yang dilihat sekarang," katanya.

Dengan model yang ada, ia ditunjukkan kepada Tun Dr Mahathir yang memberikan persetujuan supaya projek ini diteruskan yang mana kemudiannya perjumpaan diadakan dengan Pengerusi Perbadanan Putrajaya, Allahyarham Tan Sri Azizan Zainal Abidin kerana Mercu Tanda Perdana akan dibina di sana.

Bagaimanapun kata Mohd Hassan, sebelum Tun Dr Mahathir menyatakan persetujuannya, beliau hendak melihat modelnya terlebih dulu dan apabila dibawa kepada beliau barulah Dr Mahathir memberikan `lampu hijau'.

Dengan persetujuan itu, Tan Sri Azizan memberikan sebidang tanah di Presint 4, Putrajaya yang digelar sebagai Taman Puncak Puteri dan terletak berhadapan Yayasan Kepimpinan Perdana.

Kata Mohd Hassan, selepas itu kami berjumpa pula dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengatakan, di samping monumen semata-mata mengapa tidak dibuat galeri yang memaparkan sejarah perjuangan kesemua Perdana Menteri, manakala Datuk Seri Najib pula bersetuju menjadi penaung.

Untuk pengisian galeri ini nanti, New Straits Times Press (M) Berhad akan bertanggungjawab terhadapnya yang mana akan membekalkan gambar serta bahan berkaitan, katanya.

Katanya, walaupun Malaysia mempunyai lima Perdana Menteri tetapi galeri yang akan dibina adalah sebanyak tujuh buah yang bermakna ada banyak ruang lagi di Mercu Tanda Putrajaya bagi Perdana Menteri berikutnya.

Ditanya mengenai elemen-elemen dalam reka bentuk itu, Mohd Hassan berkata, ia bermotifkan keris dan daun sirih, antara unsur yang begitu dekat dengan masyarakat Melayu yang mana Mercu Tanda Putrajaya adalah lambang kejayaan negara di bawah kepimpinan kelima-lima Perdana Menteri yang ada.

Mohd Hassan berkata, pembinaan Mercu Tanda Putrajaya adalah melalui dana yang dikutip daripada syarikat korporat di negara ini dan mulai bulan ini pihaknya akan mula berjumpa dengan syarikat-syarikat ini untuk berbincang meminta mereka menaja pembinaan itu.

"Kami yakin akan dapat mengumpul jumlah yang diperlukan dalam tempoh ditetapkan," jelasnya.

Katanya, sebenarnya mereka menyumbang bagi pihak rakyat yang mana mereka sudah meraih nikmatnya daripada kelima-lima Perdana Menteri ini.

(END)